

# Projek beri limpahan ekonomi kepada Johor

**Kuala Lumpur:** Johor bakal menikmati limpahan ekonomi yang besar, menerusi pembangunan hab pemindahan kargo di antara kapal ke kapal (STS Hub) terbesar dunia bernilai lebih RM600 juta di Pelabuhan Johor Bahru.

Malah projek terbabit dilihat berpotensi memberi saingan kepada Pelabuhan Singapura serta menarik kehadiran kapal besar pengangkut minyak mentah kerana kos yang lebih murah dan operasi yang lebih cepat.

Bagaimanapun, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr

Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata mana-mana projek usaha sama yang dipersetujui kerajaan, haruslah melalui kos faedah dan terbukti mampu menyumbang kepada pendapatan negara.

## **Kukuh kerjasama**

"Selain itu, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri juga haruslah sentiasa diperkukuh bagi memacu pertumbuhan ekonomi di samping menarik pelaburan asing ke negara ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Pengarah Projek Strategik UniKL, Prof Madya Dr Aimi Zu-



Ahmed Razman Abdul Latiff

Ihazmi Abdul Rashid, menyifatkan projek STS Hub itu bakal menjadi instrumen penting bagi menggalakkan aktiviti industri terutama minyak dan gas yang berpangkalan di Pengerang, Johor.

## **Tarik kehadiran kapal besar**

"Projek seperti STS hub diadakan untuk menarik kapal-kapal besar yang membawa minyak mentah, gas petroleum cecair (LPG) dan gas asli cecair (LNG) untuk berlabuh di pelabuhan Johor.

"Kos yang lebih murah dan operasi yang lebih cepat adalah antara tarikan STS Hub ini. Ini akan

merencanakan lagi aktiviti perkapalan di pelabuhan Johor serta memberikan saingan kepada pelabuhan yang lebih sibuk seperti di Singapura," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian induk bagi kerjasama antara syarikat tempatan, KA Petra Sdn Bhd dengan syarikat perkapalan terbesar dunia berpangkalan di Hong Kong, Hutchison Port Holdings Limited bagi usaha sama pembangunan projek hab pemindahan kapal ke kapal berkenaan.